

## SKEMA K2 BIOLOGI PDA PPC SBP 2024 (VERSI PENATARAN)

## SOALAN 1

No.	Skema markah <i>Answer scheme</i>	Sub Mark	Total Mark
1 (a)(i)	<p>Dapat menamakan komponen P dan struktur Q. <i>Able to name component P and structure Q.</i></p> <p>Contoh jawapan: <i>Sample answer:</i></p> <p>P: Nukleus <i>Nucleus</i></p> <p>Q: Kromosom/kromatin <i>Chromosome/chromatin</i></p>	1  1	2
(a)(ii)	<p>Dapat menyatakan fungsi komponen P. <i>Able to state the function of component P.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Mengawal segala aktiviti sel <i>Control all cell activities</i></p> <p>P2: Mengandungi DNA / maklumat genetik <i>Contain 88/ genetic information</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana satu <i>Any one</i></p>	1  1	1
(b) (i)	<p>Dapat menamakan jenis asid nukleik <i>Able to name the type of nucleic acid</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>Asid deoksiribonukleik / DNA <i>Deoxyribonucleic acid / DNA</i></p>	1	1
(b)(ii)	Dapat menerangkan kesan terhadap ciri organisma sekiranya berlaku perubahan pada susunan bes bernitrogen.		2

	<p><i>Able to explain the effect on the characteristics of organism if there are changes at the sequences of the nitrogenous base.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Menyebabkan mutasi (gen) <i>Causes (gene) mutation</i></p> <p>P2: Mengubahsuai kod genetik (yang digunakan untuk sintesis asid amino) <i>Alter/change the genetic code (that is used to synthesise amino acid)</i></p> <p>P3: Mengubah urutan asid amino/struktur protein <i>Alter/change sequence of amino acid/protein structure</i></p> <p>P4: Mengubah ciri organisma//Menghasilkan ciri yang berbeza/ abnormal//<b>menyebabkan anemia sel sabit/albinism/haemofilia/talassemia//menyebabkan protein baharu yang terhasil tidak dapat berfungsi</b> <i>Alter/change the characteristic of organism// Produced different / abnormal characteristic//causes sickle cell anemia/albinisme/haemophilia/thalassemia// new protein syntesised cannot function</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana dua <i>Any two</i></p>	1  1  1  1	
JUMLAH			6

## SOALAN 2

No.	Skema markah <i>Answer scheme</i>	Sub Mark	Total Mark
(a)(i)	<p>Dapat menamakan struktur X dan Y. <i>Able to name structure X and Y.</i></p> <p>Contoh jawapan: <i>Sample answer:</i></p> <p>X : Stroma Y : Tilakoid / <i>Thylakoid</i></p>	1 1	2
(a)(ii)	<p>Dapat menyatakan kepentingan struktur X. <i>Able to state the importance of structure X.</i></p> <p>Contoh jawapan:</p>		1

	<p><i>Sample answer:</i></p> <p>Tapak berlaku tindak balas tidak bersandarkan cahaya / glukosa dihasilkan/ penurunan karbon dioksida  <i>Site for light-independent reaction / glucose production/ reduction of carbon dioxide</i></p>	1	
(b)	<p>Dapat menerangkan faktor suhu dapat meningkatkan kadar fotosintesis tumbuhan  <i>Able to describe factors temperature can increase the rate of photosynthesis in plant</i></p> <p>Contoh jawapan:  <i>Sample answer:</i></p> <p>P1 : Kadar fotosintesis meningkat / lebih tinggi/ maksimum  <i>Rate of photosynthesis increase/ higher/maximum</i></p> <p>P2: Meningkatkan tenaga kinetik / aktiviti enzim  <i>Increase the kinetic energy / activity of enzyme</i></p> <p>P3: Fotolisis air / penurunan karbon dioksida meningkat  <i>Photolysis of water / reduction of carbon dioxide increases</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana dua P  <i>Any two P</i></p>	1  1  1	2
(c)	<p>Dapat menyatakan perubahan yang berlaku.  <i>Able to state the changes.</i></p> <p>Contoh jawapan:  <i>Sample answer:</i></p> <p>P1 : Keamatan cahaya (semasa musim luruh) lebih rendah (berbanding musim panas)  <i>Light intensity (during autumn) is lower (than during summer)</i></p> <p>P2: Tumbuhan berhenti menghasilkan klorofil // menyebabkan klorofil terurai  <i>Plant stops making chlorophyll // cause chlorophyll to break down</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana satu P  <i>Any one P</i></p>	1  1	1
JUMLAH			6

## SOALAN 3

No.	Skema markah <i>Answer scheme</i>	Sub Mar k	Total Mar k
(a)(i)	<p>Dapat menamakan jenis bagi mikroorganisma berikut <i>Able to name the type of the following microorganisms</i></p> <p>Contoh jawapan: <i>Sample answer:</i></p> <p>X : Bakteria <i>Bacteria</i> <i>*reject : Eubacteria</i></p> <p>Y : Kulat/Fungi <i>Fungi</i></p>	<p>1</p> <p>1</p>	2
(a)(ii)	<p>Dapat menamakan penyakit dan simptom yang disebabkan oleh mikroorganisma ini <i>Able to name the disease and symptoms caused by this microorganism.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>Penyakit : Kolera/ Taun <i>Disease : Cholera</i></p> <p>Simptom : Cirit birit / muntah / dehidrasi <i>Symptoms : Diarrhoea / vomiting / dehydration</i></p>	<p>1</p> <p>1</p>	2
(a)(iii)	<p>Dapat menyatakan peranan mikroorganisma Y <i>Able to state the role of microorganism Y</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Menjalankan fermentasi alkohol <i>Undergo alcohol fermentation</i></p> <p>P2: Pemecahan molekul glukosa tidak lengkap <i>The incomplete breakdown of glucose</i></p> <p>P3 : Menghasilkan (etanol), karbon dioksida (dan tenaga) <i>to produce (ethanol), carbon dioxide (and energy)</i></p> <p>P4: Karbon dioksida terperangkap// menaikkan / menggebukan <u>doh</u> <i>Trapped carbon dioxide //rises/ fluffy the dough</i></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	1

	Sekurang-kurangnya satu P <i>At least one P</i>		
(b)	<p>Boleh menerangkan bagaimana individu ini boleh dijangkiti oleh penyakit tersebut. <i>Able to explain how this individual been infected by the disease.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Air paip merupakan habitat bagi protozoa tersebut <i>Tap water is the habitat of the protozoa</i></p> <p>P2: Protozoa ialah mikroorganisma akuatik <i>The protozoa is an aquatic microorganism</i></p> <p>P3: Larutan tersebut merupakan larutan steril// <b>boleh memusnahkan protozoa</b> <i>The solution is sterile solution// can destroy protozoa</i></p> <p>P4: Tiada mikroorganisma (dalam larutan steril) <i>No microorganism (in the sterile solution)</i></p> <p style="text-align: right;">Sekurang-kurangnya dua P <i>At least two P</i></p>	1  1  1  1	2
JUMLAH			7


## SOALAN 4

No.	Skema markah <i>Answer scheme</i>	Sub Mark	Total Mark
(a)(i)	<p>Dapat mengenal pasti proses K dan gas X. <i>Able to identify process K and gas X.</i></p> <p>Contoh jawapan: <i>Sample answer:</i></p> <p>Proses K/ <i>Process K</i> Glikolisis/ <i>Glycolysis</i></p> <p>Gas X/ <i>Gas X</i> Oksigen/ <i>Oxygen</i></p>	1  1	2
(a)(ii)	<p>Dapat menyatakan kelebihan proses respirasi yang ditunjukkan pada Rajah 4.1 pada sel otot manusia. <i>Able to state the advantages of the respiration process shown in Diagram 4.1 in human muscle cell.</i></p> <p>Contoh Jawapan:</p>		1

	<p><i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Tenaga yang dihasilkan (<b>lebih banyak</b>) 2898 kJ/ 38 ATP. <i>More energy/ 2898 kJ/ 38 ATP is produced.</i></p> <p>P2: Pengoksidaan /<b>penguraian</b> glukosa berlaku dengan lengkap. <i>Glucose oxidation /breakdown occurs completely.</i></p> <p>P3: Tiada penghasilan asid laktik (yang menyebabkan kesakitan otot) // <b>Tidak menyebabkan sakit/kejang otot</b> <i>No production of lactic acid (which causes muscle pain)</i> <b>// No muscle pain/cramp</b></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana satu <i>Any one</i></p>	1  1  1	
(b) (i)	<p>Boleh menyatakan perbezaan <del>kandungan alkohol</del> proses yang berlaku sebelum hari ke 4 berbanding selepas hari ke 4 eksperimen dilakukan. <i>Able to state the difference in alcohol content before day 4 and after day 4 of the experiment.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Sebelum hari ke 4, yis menjalankan respirasi aerob manakala selepas hari ke 4, yis menjalankan fermentasi alkohol <i>Before day 4, yeast undergo aerobic respiration, while after day 4, yeast undergo alcohol fermentation</i></p> <p>P2: Sebelum hari ke 4, pengoksidaan /<b>penguraian</b> glukosa lengkap manakala selepas hari ke 4, pengoksidaan /<b>penguraian</b> glukosa tidak lengkap <i>Before day 4, complete oxidation /breakdown of glucose, while after day 4, incomplete oxidation /breakdown of glucose</i></p> <p>P3: Sebelum hari ke 4, bekalan oksigen <b>ada</b>/ mencukupi manakala selepas hari ke 4, bekalan oksigen tiada/ tidak mencukupi <i>Before day 4, presence/ sufficient of oxygen supply, while after day 4, no/ insufficient oxygen supply</i></p>	1  1	1

	<p>P4: Sebelum hari ke 4, tiada alkohol terhasil / isipadu alkohol sifar <u>manakala</u> selepas hari ke 4, alkohol terhasil / isipadu alkohol meningkat  <i>Before day 4, no alcohol produced /volume of alcohol is zero, while after day 4, alcohol produced /volume of alcohol increases</i></p> <p><b>Reject:</b>  <b>Isipadu alkohol lebih rendah (utk sebelum hari ke-4)</b>  <i>Volume of alcohol is lower (for before day-4)</i></p> <p>P5: Sebelum hari ke 4, penghasilan tenaga/ATP adalah lebih tinggi manakala selepas hari ke 4, penghasilan tenaga/ATP adalah lebih tinggi  <i>Before day 4, energy/ATP production is high while after day 4, energy/ATP production is low</i></p> <p><b>*Nota:</b> Terima jawapan dalam bentuk jadual.          Sekiranya jawapan dalam bentuk ayat pastikan ada kata hubung cthnya manakala, tetapi dll.</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana satu P  <i>Any one P</i></p>		
(b)(ii)	<p>Dapat menerangkan kesan terhadap isipadu alkohol.  <i>Able explain the effect on the volume of alcohol.</i></p> <p>Contoh Jawapan:  <i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Tiada alkohol terhasil / isipadu alkohol sifar  <i>No alcohol produced /volume of alcohol is zero</i></p> <p>P2: Fermentasi alkohol tidak berlaku  <i>Alcohol fermentation does not occur</i></p> <p>P3: Yis menjalankan proses respirasi aerob  <i>Yeast undergoes aerobic respiration</i></p> <p>P4: Bekalan oksigen <b>ada</b> /mencukupi  <i>Oxygen supply is <b>present</b>/sufficient</i></p> <p>P5: Pengoksidaan /<b>penguraian</b> glukosa berlaku dengan lengkap.  <i>Glucose oxidation /<b>breakdown</b> occurs completely.</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3P  <i>Any three Ps</i></p>	<p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p> <p style="text-align: center;">1</p>	3
JUMLAH			7

## SOALAN 5

No.	Skema markah <i>Answer scheme</i>	Sub Mark	Total Mark
(a)(i)	<p>Dapat menamakan substrat P. <i>Able to name substrate P.</i></p> <p>Contoh jawapan: <i>Sample answer:</i></p> <p>P: Sukrosa <i>Sucrose</i></p>	1	1
(a)(ii)	<p>Dapat melukiskan kompleks Q dalam ruang yang disediakan pada Rajah 5.1. <i>Able to draw the complex Q in the space provided in Diagram 5.1.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <div style="text-align: center;">  </div> <p><b>Kriteria:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saiz sukrase lebih besar daripada saiz substrat P <i>The size of sucrase is larger than the size of P substrate</i></li> <li>2. Gabungan sukrase dan substrat P ditunjukkan menggunakan garis tunggal sahaja (tolak jika ada dua garisan) <i>The combination of sucrase and substrate P is shown using a single line only (subtract if there are two lines)</i></li> </ol>	1	1
(b)	<p>Dapat menerangkan perbezaan di antara kadar tindak balas enzim pada titik M dengan titik N. <i>Able to explain the difference between the rate of enzyme reaction at point M and point N.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>F: Kadar tindak balas enzim pada titik M adalah paling tinggi, manakala pada titik N, kadar tindak balas adalah sifar // <b>Kadar tindak balas pada titik M lebih tinggi daripada titik N</b> <i>The enzyme reaction rate at point M is the highest, while at point N, the reaction rate is zero // the enzyme reaction at point M is higher than in at point N</i></p>	1          1	3



	<p>P1: Pada titik M / suhu optimum, enzim adalah paling aktif <i>At point M / optimum temperature, the enzyme is most active</i></p> <p>P2: <u>Frekuensi perlanggaran berkesan</u> adalah maksimum <i>The <u>frequency of effective collisions</u> is maximum</i></p> <p>P3: Pada titik N / suhu tinggi, enzim ternyahasli / tapak aktif enzim berubah// ikatan kimia (dalam enzim) terputus <i>At point N / high temperature, the enzyme is denatured / the active site of the enzyme changes// chemical bond ( in the enzyme) breaks</i></p> <p style="text-align: right;">F dan Mana-mana 2P <i>F with Any 2P</i></p>	1  1	
(c)	<p>Dapat menerangkan, menggunakan contoh enzim tersekat gerak yang sesuai dalam penghasilan agar. <i>Able to explain, using a suitable example of immobilized enzyme, in the production of agar.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Enzim yang digunakan ialah selulase <i>The enzyme used is cellulase</i></p> <p>P2: Selulase / <b>enzim</b> bergabung dengan bahan lengai/tidak larut <i>cellulase / <b>enzyme</b> combines with inert/ insoluble substance</i></p> <p>P3: untuk meningkatkan rintangan (selulase) terhadap perubahan pH/suhu <i>to increase the resistance (of cellulase) towards change in pH/temperature</i></p> <p>P4: Selulase / <b>enzim</b> kekal di kedudukan yang sama// Selulase / <b>enzim</b> mudah diasingkan daripada produk/ agar <i>Cellulase/ <b>enzyme</b> can be remained in the same position// Cellulase/ <b>enzyme</b> can be separated easily from the product/ agar</i></p> <p>P5: (enzim selulase) menguraikan <u>lebih banyak</u> selulosa (dalam rumpai laut) kepada glukosa <i>(cellulase enzyme) breaks down <u>more cellulose</u> (in seaweed) to glucose</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3P <i>Any 3P</i></p>	1  1  1  1  1	3
JUMLAH			8

[t.me/cikgufazliebiosensei](https://t.me/cikgufazliebiosensei)

## SOALAN 6

No.	Skema markah <i>Answer scheme</i>	Sub Mark	Total Mark
(a)(i)	<p>Dapat menyatakan enzim yang terdapat dalam R <i>Able to state the enzyme found in R</i></p> <p>Contoh jawapan: <i>Sample answer:</i></p> <p>Pepsin/ Pepsinogen <i>Pepsin /Pepsinogen</i></p>	1	1
(a)(ii)	<p>Dapat menyatakan <b>kelas makanan yang dihidrolisiskan oleh</b> enzim di (a)(i). <i>Able to explain the <b>food class that hydrolysed by the enzyme</b> in (a)(i)</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Protein <i>Proteins</i></p>	1	1
(b)	<p>Dapat menerangkan kesan kepada proses penyerapan yang berlaku di organ Q apabila sedikit organ Q dipotong dan dibuang. <i>Able to the effect to absorption process in organ Q when small part of organ Q must be cut and removed</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>P4: Kurang nutrien/glukosa/asid amino/asid lemak/gliserol/ vitamin diserap <i>Less nutrient/glucose/amino acid/fatty acid/glycerol will be absorbed</i></p> <p>P1: Ileum menjadi pendek//Bilangan vilus berkurang <i>Ileum become short//Number of villus become less</i></p> <p>P2: Mengurangkan jumlah luas permukaan (untuk penyerapan) <i>Decrease total surface area (for absorption)</i></p> <p>P3: Jumlah kapilari darah/ lakteal (dalam vilus) akan berkurangan <i>Less numbers of blood capillary/lacteal (in villus)</i></p>	1  1  1  1	3

		Mana-mana tiga Any three																			
(c)	<p>Dapat membezakan pencernaan yang berlaku di dalam P dan R <i>Able to differentiate digestion that take place in P and R</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>PERBEZAAN/ <i>DIFFERENCES:</i></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th><b>P/ Duodenum</b> <i>P/ Duodenum</i></th> <th><b>R/Perut</b> <i>R/ stomach</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>P1:</td> <td>Jus pankreas dirembeskan oleh pankreas <i>Pancreatic juice secreted by the pancreas</i></td> <td>Jus gastrik yang dirembeskan oleh kelenjar gastrik. <i>Gastric juice secreted by gastric glands.</i></td> </tr> <tr> <td>P2:</td> <td>Berlaku pencernaan kanji/ lipid/ polipeptida <i>Digestion of starch/ lipid/ polypeptide</i></td> <td>Berlaku pencernaan protein <i>Digestion of protein takes place</i></td> </tr> <tr> <td>P3:</td> <td>Terdapat enzim amilase pankreas/ tripsin/ lipase <i>Has pancreatic amylase/ tripsin/ lipase</i></td> <td>Terdapat enzim pepsin/ pepsinogen <i>Has pepsin/pepsinogen enzyme</i></td> </tr> <tr> <td>P4:</td> <td>Tindakan enzim dalam medium beralkali <i>The action of enzyme in alkaline medium</i></td> <td>Tindakan enzim dalam medium berasid <i>The action of enzyme in acidic medium</i></td> </tr> <tr> <td>P5:</td> <td>Hasil pencernaan adalah maltosa/ asid lemak/ gliserol/ dipeptida <i>Product of digestion is maltose/fatty acid/ glycerol/dipeptide</i></td> <td>Hasil pencernaan adalah polipeptida <i>Product of digestion is polypeptide</i></td> </tr> </tbody> </table> <p>Mana-mana tiga Any three</p>		<b>P/ Duodenum</b> <i>P/ Duodenum</i>	<b>R/Perut</b> <i>R/ stomach</i>	P1:	Jus pankreas dirembeskan oleh pankreas <i>Pancreatic juice secreted by the pancreas</i>	Jus gastrik yang dirembeskan oleh kelenjar gastrik. <i>Gastric juice secreted by gastric glands.</i>	P2:	Berlaku pencernaan kanji/ lipid/ polipeptida <i>Digestion of starch/ lipid/ polypeptide</i>	Berlaku pencernaan protein <i>Digestion of protein takes place</i>	P3:	Terdapat enzim amilase pankreas/ tripsin/ lipase <i>Has pancreatic amylase/ tripsin/ lipase</i>	Terdapat enzim pepsin/ pepsinogen <i>Has pepsin/pepsinogen enzyme</i>	P4:	Tindakan enzim dalam medium beralkali <i>The action of enzyme in alkaline medium</i>	Tindakan enzim dalam medium berasid <i>The action of enzyme in acidic medium</i>	P5:	Hasil pencernaan adalah maltosa/ asid lemak/ gliserol/ dipeptida <i>Product of digestion is maltose/fatty acid/ glycerol/dipeptide</i>	Hasil pencernaan adalah polipeptida <i>Product of digestion is polypeptide</i>	1  1  1  1  1	3
	<b>P/ Duodenum</b> <i>P/ Duodenum</i>	<b>R/Perut</b> <i>R/ stomach</i>																			
P1:	Jus pankreas dirembeskan oleh pankreas <i>Pancreatic juice secreted by the pancreas</i>	Jus gastrik yang dirembeskan oleh kelenjar gastrik. <i>Gastric juice secreted by gastric glands.</i>																			
P2:	Berlaku pencernaan kanji/ lipid/ polipeptida <i>Digestion of starch/ lipid/ polypeptide</i>	Berlaku pencernaan protein <i>Digestion of protein takes place</i>																			
P3:	Terdapat enzim amilase pankreas/ tripsin/ lipase <i>Has pancreatic amylase/ tripsin/ lipase</i>	Terdapat enzim pepsin/ pepsinogen <i>Has pepsin/pepsinogen enzyme</i>																			
P4:	Tindakan enzim dalam medium beralkali <i>The action of enzyme in alkaline medium</i>	Tindakan enzim dalam medium berasid <i>The action of enzyme in acidic medium</i>																			
P5:	Hasil pencernaan adalah maltosa/ asid lemak/ gliserol/ dipeptida <i>Product of digestion is maltose/fatty acid/ glycerol/dipeptide</i>	Hasil pencernaan adalah polipeptida <i>Product of digestion is polypeptide</i>																			

## SOALAN 7

No.	Skema markah <i>Answer scheme</i>	Sub Mark	Total Mark
(a)(i)	<p>Dapat menamakan sel P. <i>Able to name cell P.</i></p> <p>Contoh jawapan: <i>Sample answer:</i></p> <p>P: Spermatosit sekunder <i>Secondary spermatocyte</i></p>	1	1
(a)(ii)	<p>Dapat menyatakan bilangan kromosom dalam sel P <i>Able to state the number of chromosome in the cell P.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>23/Haploid/n = 23</p>	1	1
(b)	<p>Dapat menerangkan kesan kepada kualiti sperma yang dihasilkan jika proses Q tidak berlaku. <i>Able to explain the effect on the quality of sperm produced if process Q does not occur.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Kualiti sperma menurun/merosot <i>Quality of sperms decreases/degrade</i></p> <p>P2: (jika Q tidak berlaku), sperma tidak mempunyai bahagian tengah / ekor / cacat <i>(if Q does not occur), sperm do not have a midpiece / tail/ abnormal</i></p> <p>P3: Kurang mitokondria <i>Less mitochondria</i></p> <p>P4: sperma tidak mempunyai tenaga yang banyak untuk berenang / tidak boleh berenang ke tiub Falopio</p>	1  1  1  1	3

	<p><i>sperm do not have much energy to swim / cannot swim to the Fallopian tubes</i></p> <p>Mana-mana tiga <i>Any three</i></p>											
(c) (i)	<p>Dapat menyatakan <b>dua</b> perbezaan di antara perlakuan kromosom dalam Rajah 7.2 dengan perlakuan kromosom semasa anafasa. <i>Able to state <b>two</b> differences between the behavior of chromosomes in Diagram 7.2 and the behavior of chromosomes during anaphase.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th><b>Rajah 7.2</b> <i>Diagram 7.2</i></th> <th><b>Anafasa</b> <i>Anaphase</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>P1:</td> <td>Kromosom <b>homolog</b> berpisah <i>Homologous chromosomes separated</i></td> <td><u>Kromatid kembar</u> / <b>kromosom</b> berpisah <i>Sister chromatids / chromosome separated</i></td> </tr> <tr> <td>P2:</td> <td>Kromosom <b>homolog</b> tertarik/bergerak ke kutub bertentangan <i>Homologous chromosomes are attracted/move/pull to opposite poles</i></td> <td><u>Kromatid kembar</u> / <b>kromosom</b> tertarik/bergerak ke kutub bertentangan <i>Sister chromatids / chromosome are attracted/move/pull to opposite poles</i></td> </tr> </tbody> </table>		<b>Rajah 7.2</b> <i>Diagram 7.2</i>	<b>Anafasa</b> <i>Anaphase</i>	P1:	Kromosom <b>homolog</b> berpisah <i>Homologous chromosomes separated</i>	<u>Kromatid kembar</u> / <b>kromosom</b> berpisah <i>Sister chromatids / chromosome separated</i>	P2:	Kromosom <b>homolog</b> tertarik/bergerak ke kutub bertentangan <i>Homologous chromosomes are attracted/move/pull to opposite poles</i>	<u>Kromatid kembar</u> / <b>kromosom</b> tertarik/bergerak ke kutub bertentangan <i>Sister chromatids / chromosome are attracted/move/pull to opposite poles</i>	1  1	2
	<b>Rajah 7.2</b> <i>Diagram 7.2</i>	<b>Anafasa</b> <i>Anaphase</i>										
P1:	Kromosom <b>homolog</b> berpisah <i>Homologous chromosomes separated</i>	<u>Kromatid kembar</u> / <b>kromosom</b> berpisah <i>Sister chromatids / chromosome separated</i>										
P2:	Kromosom <b>homolog</b> tertarik/bergerak ke kutub bertentangan <i>Homologous chromosomes are attracted/move/pull to opposite poles</i>	<u>Kromatid kembar</u> / <b>kromosom</b> tertarik/bergerak ke kutub bertentangan <i>Sister chromatids / chromosome are attracted/move/pull to opposite poles</i>										
(c) (ii)	<p>Dapat menerangkan bagaimana keadaan tak disjungsi yang berlaku semasa meiosis boleh mengakibatkan bilangan kromosom gamet tidak normal. <i>Able to explain how non-disjunction that occurs during meiosis can result in abnormal number of chromosomes in gamete.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>P1: Kromosom homolog / kromatid kembar gagal berpisah / ditarik ke kutub bertentangan <i>Homologous chromosomes / sister chromatids fail to separate / pull to opposite poles</i></p> <p>P2: Semasa anafasa I/ II <i>During anaphase I/II</i></p> <p>P3: Kerana gentian gelendong gagal berfungsi / terbentuk <i>Because the spindle fibers fail to function / form</i></p>	1  1  1	2									

	<p>P4: Menyebabkan bilangan kromosom dalam sel gamet kurang/lebih <i>Causes the number of chromosomes in gamete cells less/more</i></p> <p>P2 mesti sepadan dengan P1 <i>P2 has to correspond to P1</i> Mana-mana 2P <i>Any 2P</i></p>	1	
<b>JUMLAH</b>			<b>9</b>

## SOALAN 8

No.	Skema markah <i>Answer scheme</i>	Sub Mark	Total Mark									
(a)(i)	<p>Dapat menyatakan fungsi salur darah X. <i>Able to state the function of blood vessel X.</i></p> <p>Contoh jawapan: <i>Sample answer:</i></p> <p>P1: Untuk membekalkan <b>oksigen/ glukosa</b> (kepada tisu jantung) // <b>mengangkut darah beroksigen (ke tisu jantung)</b> <i>To supply <b>oxygen/ glucose</b> (to the tissue of heart) // <b>transport oxygenated blood (to the tissue of heart)</b></i></p>	1	1									
(a)(ii)	<p>Dapat menerangkan bagaimana HDL yang direka dapat merawat masalah enapan kolesterol pada salur X. <i>Able to explain how the HDL created can treat the problem of cholesterol deposition in vessel X.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;">P1:</td> <td>HDL mengurangkan/ menyingkirkan/ <b>angkut</b> enapan kolesterol/ plak pada dinding ( dalam ) arteri <i>HDL reduce/remove/ <b>transport</b> deposition of cholesterol/ plaque at the (inner) wall of artery</i></td> <td style="width: 10%; text-align: center;">1</td> </tr> <tr> <td>P2:</td> <td>Saiz lumen kembali normal// lumen kurang tersumbat <i>Lumen size return to normal// lumen less blocked</i></td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> <tr> <td>P3:</td> <td>Pengaliran darah menjadi lancar// Tekanan darah kembali normal <i>Blood flow smoothly// Blood pressure return to normal</i></td> <td style="text-align: center;">1</td> </tr> </table>	P1:	HDL mengurangkan/ menyingkirkan/ <b>angkut</b> enapan kolesterol/ plak pada dinding ( dalam ) arteri <i>HDL reduce/remove/ <b>transport</b> deposition of cholesterol/ plaque at the (inner) wall of artery</i>	1	P2:	Saiz lumen kembali normal// lumen kurang tersumbat <i>Lumen size return to normal// lumen less blocked</i>	1	P3:	Pengaliran darah menjadi lancar// Tekanan darah kembali normal <i>Blood flow smoothly// Blood pressure return to normal</i>	1	1  1  1	2
P1:	HDL mengurangkan/ menyingkirkan/ <b>angkut</b> enapan kolesterol/ plak pada dinding ( dalam ) arteri <i>HDL reduce/remove/ <b>transport</b> deposition of cholesterol/ plaque at the (inner) wall of artery</i>	1										
P2:	Saiz lumen kembali normal// lumen kurang tersumbat <i>Lumen size return to normal// lumen less blocked</i>	1										
P3:	Pengaliran darah menjadi lancar// Tekanan darah kembali normal <i>Blood flow smoothly// Blood pressure return to normal</i>	1										

		Mana-mana dua <i>Any two</i>			
(a)(iii)	<p>Dapat mencadangkan satu cara dan menerangkan bagaimana cara tersebut dapat mengatasi 90% penyumbatan kolesterol pada salur X.</p> <p><i>Able to suggest a method and explain how the method can overcome the problem of 90% of cholesterol deposition in blood vessel X.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <p>F1: <b>Angioplasti (arteri koronari/ kardiak) // Menggunakan stent/ belon// kateter</b> <i>(Cardiac/ coronary artery) angioplasty// Using stent/ balloon/ catheter</i></p> <p>P1: <b>Menambahkan saiz lumen (arteri X)// membesarkan bukaan salur darah</b> <i>Inceases the size of lumen (of artery X)// enlarge the opening of artery X</i></p> <p>F2: <b>Pintasan koronari arteri</b> <i>Coronary artery bypass</i></p> <p>P2: <b>Membuat laluan baru untuk pengaliran darah ke jantung</b> <i>Created a new pathway flow of blood to the heart</i></p> <p>F3: <b>Pemindahan jantung</b> <i>Heart transplant</i></p> <p>P3: <b>Menggantikan dengan jantung yang sihat</b> <i>Replaced with a healthy heart</i></p> <p style="text-align: center;"><i>Mana-mana satu F dan P yang sepadan Any one F with corresponding P</i></p>	1 1 1 1 1 1	2		
(b)(i)	<p>Dapat menerangkan kesan jika salur sistem Y pada tangan seseorang individu tersumbat.</p> <p><i>Able to explain the effect if the vessels of system Y in individual hand is clogged.</i></p> <p>Contoh Jawapan: <i>Sample Answers:</i></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;">P1:</td> <td>(Tangan) membengkak// alami oedema</td> </tr> </table>	P1:	(Tangan) membengkak// alami oedema	1	2
P1:	(Tangan) membengkak// alami oedema				

